

Warga UPM disaran jana idea baharu

Serdang: Warga kerja Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berkebolehan disaran supaya terus menjana idea baharu yang menjurus kepada kesejahteraan warga kampus dan masyarakat secara keseluruhan.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, sebagai institusi penyelidikan, UPM sentiasa mengutamakan penghasilan produk berteraskan inovasi sekali gus mampu mencetus revolusi perubahan dalam melestarikan keberkesanan dan membudayakan amalan kualiti, kreativiti dan inovasi.

"Dalam hal ini, produk inovasi yang dikenal pasti memenuhi kriteria akan dikomersialkan kepada pasaran dalam dan luar negara sekali gus dapat menjana pendapatan kepada universiti," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) Peringkat UPM di sini, semalam.

Beliau berkata, UPM sentiasa menyokong penuh agenda transformasi kerajaan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) bagi merealisasikan inovasi dan kreativiti dalam penyampaian perkhidmatan.

Menurutnya, sambutan diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja, memupuk dan memperkuat nilai dan budaya inovasi serta kreativiti yang boleh menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan



Produk inovasi yang dikenal pasti memenuhi kriteria akan dikomersialkan kepada pasaran dalam dan luar negara"

Dr Mohd Fauzi

kepada pelanggan.

Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dimenangi Mohd Sophian Zain mengetengahkan idea menambah baik sistem pengurusan tapak samaian iaitu pemindahan polibeg anak pokok secara mudah, cepat dan berkesan menggunakan alat dicipta khas, Plant Mobilisier (PM) yang direka seperti kereta sorong yang mampu membawa muatan sehingga 100 kilogram.

Menurut Mohd Sophian, sebelum projek inovasi itu, kerja pemindahan polibeg anak pokok masih menggunakan kaedah konvensional tetapi dengan terciptanya alat itu, pemindahan 400 polibeg boleh dilakukan oleh seorang individu yang hanya mengambil masa satu jam.